



BERJAYA SOMPO INSURANCE

DUTI SETEM TELAH DIBAYAR



Polisi

# SOMPO HomeNow

**Berjaya Sompo Insurance Berhad**  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank,  
105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.  
Talian Bebas Tol: 1-800-889-933  
Tel.: 03-2170 7300  
E-mel: [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)  
Laman Web: [www.berjayasompo.com.my](http://www.berjayasompo.com.my)

Lihat untuk  
lebih banyak produk



FHD0123

## **Isi Kandungan**

<b>NOTIS PENTING .....</b>	<b>3</b>
<b>PERJANJIAN KITA .....</b>	<b>4</b>
<b>KEWAJIPAN PENDEDAHAN.....</b>	<b>4</b>
<b>DEFINISI .....</b>	<b>4</b>
<b>APA YANG KAMI AKAN MELINDUNGI.....</b>	<b>5</b>
<b>APA YANG KAMI TIDAK AKAN MELINDUNGI .....</b>	<b>5</b>
<b>KLAUSA/WARANTI/ENDORSAN .....</b>	<b>6</b>
<b>BAGAIMANA POLISI ANDA MUNGKIN DIBATALKAN .....</b>	<b>9</b>
<b>CARA MEMBUAT TUNTUTAN .....</b>	<b>9</b>
<b>CARA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA.....</b>	<b>9</b>
<b>PENGEMBALIAN SEMULA JUMLAH DIISURANSKAN.....</b>	<b>10</b>

## NOTIS PENTING

Ini merupakan **Polisi** SOMPO HomeNow **Anda**. **Anda** seharusnya berpuas hati bahawa **Polisi** ini akan memenuhi keperluan **Anda** dengan sebaik-baiknya. **Anda** seharusnya membaca dan memahami terma, syarat dan waranti **Polisi** dan berbincang u dengan **Kami** secara terus untuk maklumat lanjut dan/atau untuk menjelaskan apa-apa keraguan **Anda**, sebelum **Anda** membeli **Polisi** ini.

**Anda** mestilah mematuhi dan memenuhi dengan sepenuhnya terma, syarat dan waranti **Polisi** ini untuk menikmati perlindungan yang diberikan.

Jika **Anda** mempunyai sebarang pertanyaan selepas membaca dokumen, sila hubungi Kami untuk penjelasan lanjut.

Jika terdapatnya apa-apa perubahan dalam keadaan **Anda** yang mungkin menjelaskan insurans yang diberikan, sila beritahu **Kami** dengan segera, jika tidak, **Anda** mungkin tidak menerima faedah-faedah **Polisi** ini.

Sila membaca terma dan syarat **Polisi** ini dengan teliti, dan jika terdapat apa-apa kesilapan atau salah huraian, atau jika perlindungan yang diberikan tidak sesuai dengan kehendak **Anda**, sila kembalikan Polisi ini kepada **Kami** dengan segera untuk perubahan.

Bagi membantu memelihara alam sekitar, **Kami** hanya akan menghantar salinan bercetak **Polisi** ini sekali sahaja. Sila simpan **Polisi** ini dengan selamat. Sekiranya terdapat pembaharuan dan/atau pindaan **Polisi Anda**, **Kami** hanya akan menghantar **Jadual Polisi** dan/atau **Pengendorsan** kepada **Anda**. Sekiranya **Anda** memerlukan salinan penggantian **Polisi** ini pada bila-bila masa, sila hubungi **Kami**.

Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan yang berkaitan dengan **Polisi** ini, sila hubungi

### UNIT ADUAN – PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Berjaya Sompo Insurance Berhad  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank  
105 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur

Tel. : 03-2170 7300

Talian Bebas Tol : 1-800-889-933

Faks : 03-2170 4800

E-mel : [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan respons **Kami**, **Anda** boleh memilih untuk menghubungi sama ada:

### OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel. : 03-2272 2811  
Faks : 03-2272 1577  
E-mel : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman Web : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

### LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)

Bank Negara Malaysia  
Tingkat Bawah, Blok D  
Jalan Dato Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Talian Bebas Tol : 1-300-88-5465  
Tel. : 603-2698-8044 / 2698 9044 / 9179 2888  
Faks : 03-2174 1515  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)  
eLINK : [telalink.bnm.gov.my](http://telalink.bnm.gov.my)  
SMS : 15888

## PERJANJIAN KITA

**Polisi, Jadual** dan sebarang **Endorsan** mestilah dibaca bersama kerana ia membentuk kontrak insurans **Anda** dengan **Kami**. Dokumen-dokumen ini mencerminkan Terma dan Syarat kontrak insurans sebagaimana yang dipersetujui antara **Anda** dan **Kami** dan dikeluarkan sebagai balasan untuk pembayaran **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** dan menurut jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan yang dilengkapkan oleh **Anda** (atau bagi pihak **Anda** oleh pengantara **Anda**) dan apa-pa pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** antara masa penyerahan Borang Cadangan **Anda** dan masa Kontrak ini dibuat.

## KEWAJIPAN PENDEDAHAN

**Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan iaitu **Anda** seharusnya menjawab soalan dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pengelakan kontrak insurans **Anda**, penolakan atau pengurangan tuntutan **Anda**, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans **Anda**. Sekiranya berlaku sebarang salah nyataan prakontrak yang dibuat berkaitan dengan jawapan **Anda** dan dalam pendedahan yang dibuat oleh **Anda**, hanya remedii-remedii dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan terpakai.

**Anda** mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** telah dibuat, dipinda or diperbaharui dengan **Kami**, sebarang maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan adalah tidak tepat atau telah berubah.

Pada masa pembelian insurans ini dan pada bila-bila masa semasa kesahan kontrak insurans ini, **Anda** mestilah memberitahu **Kami** dengan segara tentang apa-apa insurans lain yang **Anda** telah beli yang memberikan jenis perlindungan yang sama atau serupa dengan item yang diinsuranskan di bawah kontrak insurans ini.

## DEFINISI

Beberapa perkataan dan ungkapan dalam **Polisi** ini telah dicetak dalam huruf tebal kerana ia telah diberikan maksud tertentu seperti berikut:

### Kandungan

Barangan isi rumah dan **Barang Persendirian** yang segala jenisnya, yang dimiliki oleh **Anda**, mana-mana ahli keluarga **Anda** dan/atau pembantu rumah **Anda** yang biasanya tinggal bersama **Anda**, yang terkandung dalam **Premis** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**

### Kadar Tempoh Pendek Lazim

Peratusan kadar tahunan yang dikenakan untuk tempoh perlindungan:

Tempoh Tidak Melebihi	Peratusan Kadar yang Dikenakan
15 hari	10% daripada Kadar Tahunan
1 bulan	20% daripada Kadar Tahunan
2 bulan	30% daripada Kadar Tahunan
3 bulan	40% daripada Kadar Tahunan
4 bulan	50% daripada Kadar Tahunan
5 bulan	60% daripada Kadar Tahunan
6 bulan	70% daripada Kadar Tahunan
7 bulan	75% daripada Kadar Tahunan
8 bulan	80% daripada Kadar Tahunan
9 bulan	85% daripada Kadar Tahunan
10 bulan	90% daripada Kadar Tahunan
11 bulan	95% daripada Kadar Tahunan
12 bulan	100% daripada Kadar Tahunan

### Endorsan

Suatu pindaan bertulis kepada terma, syarat dan/atau **Waranti Polisi** ini.

### Lebihan

Amaun yang **Anda** mesti membayar untuk sesuatu tuntutan sebelum **Kami** membayar. Amaun ini akan dinyatakan dalam **Jadual**.

## **Kejadian**

Tarikh berlakunya **Kejadian**.

## **Terbuka**

Di mana-mana sahaja di **Premis** yang tidak dikelilingi sepenuhnya oleh dinding dan bumbung dan yang tidak boleh **Dikunci**, dan juga mana-mana bangunan luar di **Premis** jika bangunan tersebut tidak boleh **Dikunci**.

## **Tempoh Insurans**

Tempoh yang sepanjangnya **Anda** diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

## **Barang Persendirian**

Item peribadi untuk kegunaannya, contohnya pakaian, jam tangan atau dompet.

## **Polisi**

Kontrak insurans **Anda** yang terdiri daripada susunan kata **Polisi** ini dan **Jadual**.

## **Premis**

Lokasi yang dinyatakan dalam **Jadual** yang di atasnya bangunan atau bangunan luar terbina.

## **Premium**

Sebarang amaun yang **Kami** menghendaki **Anda** untuk membayar di bawah **Polisi** ini dan termasuk caj pihak Kerajaan.

## **Jadual**

**Jadual Polisi** di mana butiran maklumat peribadi **Anda**, **Premium**, lokasi risiko, kepentingan diinsuranskan dan **Jumlah Diinsuranskan** dinyatakan.

## **Dikunci**

Dikunci supaya menghalang kemasukan selain daripada kemasukan yang menggunakan kekerasan.

## **Jumlah Diinsuranskan**

Amaun yang **Anda** telah memilih untuk menginsuranskan **Kandungan Anda** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

## **Waranti**

Pembatasan atau obligasi yang **Polisi** ini mengenakan ke atas **Anda**. Kemungkiran sesuatu **Waranti** akan menyebabkan **Kami** berhak menolak tuntutan untuk kehilangan atau kerosakan.

## **Kami**

Berjaya Sompo Insurance Berhad.

## **Anda**

Orang yang dinamakan dalam **Jadual** sebagai pihak yang diinsuranskan.

## **APA YANG KAMI AKAN MELINDUNGI**

**Kami** akan melindungi **Anda** daripada kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh

- 1) Kebakaran;
- 2) Kecurian termasuk rompakan; atau
- 3) Kemalangan pada **Kandungan Anda**.

## **APA YANG KAMI TIDAK AKAN MELINDUNGI**

**Kami** tidak akan membayar untuk kehilangan atau kerosakan:

- (1) yang disebabkan oleh atau terjadi melalui
  - (a) kerosakan atau kekalutan mekanikal atau elektrik
  - (b) kelenyapan, kekurangan, pengecutan, pengaratan, kehausan atau kelusuhan, keburukan sedia ada, kemerosotan atau apa-apa sebab lain yang beroperasi secara beransur-ansur atau rama-rama, binatang perosak atau serangga.
  - (c) apa-apa proses pembasuhan, pembersihan, pencelupan, pemulihan, penyelenggaraan, pengubahan atau pemberian.
  - (d) pencalaran atau pelekukan apa-apa barang atau pecahan kaca (selain daripada kanta) atau barang yang bersifat rapuh (selain daripada barang kemas) melainkan jika disebabkan oleh kebakaran atau kecurian.
- (2) pada wang tunai, nota bank, cek, cagaran untuk wang, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, koleksi setem, apa-apa jenis dokumen, buku akaun, manuskrip, pingat, duit syiling, kenderaan bermotor dan aksesori.
- (3) jika **Premis** tidak diduduki selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada berturut-turut atau tidak, dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans**, di mana perlindungan insurans akan digantung melainkan jika ia dipersetujui sebelum ini oleh **Kami** secara **Endorsan**;

- (4) yang disebabkan oleh kecurian sebarang **Kandungan** yang dibiarkan di dalam sebuah kenderaan atau dibiarkan di tempat yang **Terbuka**;
- (5) jika **Anda** tidak mengambil semua langkah beringat-ingat yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan atau kerosakan **Kandungan Anda**;
- (6) yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - (a) peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi bersifat peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak);
  - (b) dahagi, rusuhan, kebangkitan ketenteraan atau popular, pemberontakan, penentangan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan, pemerintahan tentera atau keadaan terkepung atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan terkepung;
  - (c) apa-apa tindakan keganasan.

Bagi tujuan ini, sesuatu tindakan keganasan bermaksud sesuatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menakutkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam.

Sebarang kehilangan atau kerosakan atau kontingenzi yang berlaku semasa wujudnya keadaan abnormal (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana **Kejadian** tersebut akan disifatkan sebagai kehilangan, kerosakan atau kontingenzi yang tidak dilindungi oleh insurans ini. **Anda** perlu membuktikan bahawa kehilangan, kerosakan atau kontingenzi lain tersebut telah berlaku secara bebas daripada kewujudan keadaan abnormal sedemikian.

Dalam sebarang tuntutan, tindakan, guaman atau prosiding lain, jika **Kami** mendakwa bahawa oleh sebab peruntuhan syarat ini apa-apa kehilangan atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban untuk membuktikan bahawa kehilangan, kerosakan atau kontingenzi lain tersebut telah berlaku secara bebas daripada kewujudan keadaan abnormal sedemikian dan dilindungi oleh insurans ini, adalah terletak pada **Anda**.
- (7) yang disebabkan oleh apa-apa perintah Kerajaan, Majlis Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- (8) yang timbul daripada atau disebabkan atau disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- (9) yang timbul daripada atau disebabkan atau disumbangkan oleh sinaran pengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear selenggara diri;
- (10) yang disebabkan oleh apa-apa jenis kerugian atau kerosakan turut akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan.

### KLAUSA/WARANTI/ENDORSAN

Perkara-perkara berikut terpakai kepada **Polisi**:

#### **Klausa Penjelasan Kerosakan Harta**

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah **Polisi** ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal bahan harta.

Kerosakan fizikal bahan harta tidak termasuk kerosakan data atau perisian, khususnya apa-apa perubahan yang menjelaskan data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh sesuatu penghapusan, kerosakan atau kecacatan bentuk struktur asal, dan sebarang kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kehilangan atau kerosakan tersebut. Walaupun pengecualian ini, kehilangan atau kerosakan data atau perisian yang merupakan akibat langsung daripada kerosakan fizikal bahan harta yang diinsuranskan, adalah dilindungi.

Oleh itu, perkara berikut dikekualikan daripada **Polisi** ini:

- (1) Kehilangan atau kerosakan data atau perisian, khususnya apa-apa perubahan yang menjelaskan data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh sesuatu penghapusan, kerosakan atau kecacatan bentuk struktur asal, dan sebarang kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kehilangan atau kerosakan tersebut. Walaupun pengecualian ini, kehilangan atau kerosakan data atau perisian yang merupakan akibat langsung daripada kerosakan fizikal bahan harta yang diinsuranskan, adalah dilindungi.
- (2) Kehilangan atau kerosakan akibat daripada kelemahan fungsi, ketersediaan, skop kegunaan atau ketercapaian data, perisian atau program komputer, dan sebarang kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kehilangan atau kerosakan tersebut.

#### **Klausa Pasangan dan Set**

Jika mana-mana item yang diinsuranskan terdiri daripada barang dalam pasangan atau set, **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai yang mengikut kadar mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu yang mungkin hilang atau rosak, tanpa rujukan kepada apa-apa nilai khas yang mungkin dipunyai oleh barang atau barang-barang tersebut sebagai sebahagian daripada pasangan atau set sedemikian.

#### **Klausa Had dan Pengecualian Sekatan**

**Kami** tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan sebarang faedah di bawah ini setakat mana pemberian perlindungan, pembayaran tuntutan atau pemberian faedah tersebut akan mendedahkan **Kami** kepada apa-apa sekatan, larangan atau pembatasan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

## Pembatasan Waranti Barang Niaga

Tiada bahagian **Premis** boleh digunakan untuk pembuatan atau penempatan atau penyimpanan barang niaga semasa **Tempoh Insurans**.

### Endorsan Kerosakan Harta (Had: 5% daripada Jumlah Diinsuranskan)

Insurans untuk harta atau **Kandungan** yang diinsuranskan termasuk kos dan perbelanjaan yang semestinya ditanggung oleh **Anda** berkenaan dengan kerosakan harta yang tidak diinsuranskan akibat daripada apa-apa kecurian atau percubaan kecurian yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**. Liabiliti **Kami** terhadap sebarang kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan tidak akan melebihi 5% daripada keseluruhan **Jumlah Diinsuranskan** dan perlu dibayar sebagai tambahan kepada **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Polisi**.

### Endorsan Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam

**Polisi** ini diperluas untuk memberikan perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan **Kandungan** yang diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh:

- (1) perbuatan mana-mana orang yang menyertai sebarang kekacauan keamanan awam bersama-sama dengan orang lain (sama ada berkaitan dengan sesuatu mogok atau sekat masuk kerja atau tidak) yang bukan merupakan sesuatu **Kejadian** yang disebut dalam pengecualian di bawah.
- (2) tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan dengan sah dalam menumpaskan atau percubaan untuk menumpaskan apa-apa kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat apa-apa kekacauan sedemikian.
- (3) perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk kerja, yang dilakukan untuk melanjutkan sesuatu mogok atau dalam menentang sesuatu sekat masuk kerja
- (4) tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan dengan sah dalam menghalang atau percubaan untuk menghalang apa-apa perbuatan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat apa-apa perbuatan sedemikian.

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan walau apa pun jenisnya, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, merupakan akibat daripada, atau berkaitan dengan, mana-mana perkara berikut, tanpa menghiraukan apa-apa sebab atau peristiwa lain yang menyumbang kepada kehilangan itu secara serentak atau dalam apa-apa urutan lain:

- (a) peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi bersifat peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, kekacauan awam yang sekadar dengan, atau sama seperti, sesuatu kebangkitan, kuasa tentera atau kuasa yang dirampas, dahagi.
- (b) apa-apa tindakan keganasan. Bagi tujuan **Endorsan** ini, sesuatu tindakan keganasan bermaksud sesuatu perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menakutkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam.

**Endorsan** ini juga tidak termasuk kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan walau apa pun jenisnya, secara langsung atau tidak langsung daripada, atau berkaitan dengan, sebarang tindakan yang diambil dalam mengawal, menghalang, menumpaskan atau berkaitan dengan (a) dan (b) di atas dengan apa jua cara.

Dalam sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain, jika **Kami** mendakwa bahawa oleh sebab pengecualian ini, apa-apa kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban untuk membuktikan yang sebaliknya adalah terletak pada **Anda**.

Sekiranya mana-mana bahagian **Endorsan** ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian yang selebihnya akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

### Endorsan Kerosakan Berniat Jahat

**Polisi** ini diperluas untuk memberikan perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan harta yang diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh perbuatan berniat jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa sesuatu kekacauan keamanan awam atau tidak) yang bukan merupakan sesuatu perbuatan yang sama seperti, atau dilakukan berkaitan dengan, mana-mana **Kejadian** berikut:

- (a) peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi bersifat peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak)
- (b) dahagi, kekacauan awam yang sekadar dengan, atau sama seperti, sesuatu kebangkitan popular, kebangkitan tentera, pemberontakan, penentangan, revolusi, kuasa tentera atau kuasa yang dirampas, atau sebarang perbuatan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan de jure atau de facto melalui kekerasan, atau dengan mempengaruhinya melalui keganasan atau kekerasan.

**Endorsan** ini tidak memberikan perlindungan untuk:

- (i) kerugian atau kerosakan turutan atau tidak langsung dalam apa jua bentuk atau perihalan.
- (ii) Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh perampasan kekal atau sementara akibat daripada penyitaan, perampasan atau rekuisisi oleh mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan dengan sah.

## Klausula Polisi Tak Dinilai

Posisi ini merupakan **Polisi** yang tak dinilai. Anda mestilah membuktikan nilai harta pada masa kemaslahatannya atau amaun kererosakan tersebut sehingga **Kami** berpuas hati.

## Pengecualian Penyakit Berjangkit (LMA5393)

1. Tertakluk pada semua terma, syarat dan pengecualian yang terpakai, **Polisi** ini memberikan perlindungan daripada kerugian yang dapat dianggap berpunca daripada kehilangan fizikal langsung atau kererosakan fizikal yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**. Oleh itu, dan walau apa pun mana-mana peruntukan lain **Polisi** ini yang berlawanan, **Polisi** ini tidak menginsuranskan sebarang kerugian, ganti rugi, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain yang, secara langsung atau tidak langsung, timbul daripada, dapat dianggap berpunca daripada, atau berlaku secara serentak atau dalam mana-mana urutan dengan, sesuatu Penyakit Berjangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau tanggapan) sesuatu Penyakit Berjangkit.
2. Untuk tujuan **Pengendorsan** ini, kerugian, ganti rugi, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa kos untuk membersihkan, menghilangkan ketoksikan, mengeluarkan, memantau atau menguji:
  - 2.1. untuk sesuatu Penyakit Berjangkit, atau
  - 2.2. sebarang harta yang diinsuranskan di bawah ini yang dijejaskan oleh Penyakit Berjangkit tersebut.
3. Seperti yang digunakan di dalam ini, istilah Penyakit Berjangkit bermaksud apa-apa penyakit yang boleh ditularkan melalui sebarang bahan atau agen daripada mana-mana organisme kepada organisme lain, yang berkenaan dengannya:
  - 3.1. bahan atau agen itu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisme lain atau apa-apa variasinya, sama ada disifatkan sebagai hidup atau tidak, dan
  - 3.2. kaedah penularan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penularan bawaan udara, penularan bendalir tubuh, penularan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisme-organisme, dan
  - 3.3. penyakit, bahan atau agen itu boleh menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kererosakan kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kererosakan, kemerosotan, kerugian nilai, kebolehpasaran atau kehilangan guna harta yang diinsuranskan di bawah ini.
4. **Pengendorsan** ini terpakai untuk semua lanjutan perlindungan, perlindungan tambahan, kekecualian daripada mana-mana pengecualian dan pemberian perlindungan lain.

Semua terma, syarat dan pengecualian lain **Polisi** tetap sama.

## Pengecualian Siber Dan Data Harta (LMA5401)

1. Walau apa pun sebarang peruntukan yang berlawanan dalam **Polisi** ini atau mana-mana **Pengendorsan** padanya, **Polisi** ini mengecualikan apa-apa:
  - 1.1. Kerugian Siber;
  - 1.2. kerugian, ganti rugi, liabiliti, tuntutan, kos atau perbelanjaan apa jua jenis sekalipun yang, secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, sebahagiannya disebabkan oleh, merupakan akibat daripada, timbul daripada atau berkaitan dengan, apa-apa kehilangan guna, pengurangan kefungsian, pumbaikan, penggantian, pemulihan atau pengeluaran semula mana-mana Data, termasuk sebarang amaun yang berhubung dengan nilai Data tersebut; tanpa menghiraukan apa-apa sebab atau **Kejadian** lain yang merupakan antara sebabnya, secara serentak atau dalam mana-mana urutan lain.
2. Sekiranya mana-mana bahagian **Pengendorsan** ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian yang selebihnya hendaklah tetap berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
3. **Pengendorsan** ini mengambil tempat dan, jika bercanggah dengan mana-mana susunan kata lain dalam **Polisi** atau mana-mana **Pengendorsan** padanya yang mempunyai kaitan dengan Kerugian Siber atau Data, menggantikan susunan kata itu.

## Takrif

4. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, ganti rugi, liabiliti, tuntutan, kos atau perbelanjaan apa jua jenis sekalipun yang, secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, sebahagiannya disebabkan oleh, merupakan akibat daripada, timbul daripada atau berkaitan dengan, mana-mana Perbuatan Siber atau **Kejadian** Siber termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa tindakan yang diambil dalam usaha mengawal, mencegah, menahan atau memulihkan mana-mana Perbuatan Siber atau **Kejadian** Siber.
5. Perbuatan Siber bermaksud sesuatu perbuatan yang tidak dibenarkan, berniat jahat atau bersifat jenayah, atau siri perbuatan yang tidak dibenarkan, berniat jahat atau bersifat jenayah yang berkaitan, tanpa menghiraukan masa dan tempat, atau ancaman atau olokannya, yang melibatkan akses kepada, pemprosesan, penggunaan atau pengendalian sebarang Sistem Komputer.
6. **Kejadian** Siber bermaksud:
  - 6.1. apa-apa ralat atau peninggalan, atau siri ralat atau peninggalan yang berkaitan, yang melibatkan akses kepada, pemprosesan, penggunaan atau pengendalian sebarang Sistem Komputer; atau
  - 6.2. apa-apa ketidaksediaan atau kegagalan separa atau menyeluruh, atau siri ketidaksediaan atau kegagalan separa atau menyeluruh yang berkaitan, untuk mengakses, memproses, menggunakan atau mengendalikan sebarang Sistem Komputer.
7. Sistem Komputer bermaksud:
  - 7.1. sebarang komputer, perkakasan, perisian, sistem komunikasi, peranti elektronik (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, telefon pintar, komputer riba, tablet, peranti boleh pakai), pelayan, awan atau mikropengawal termasuk apa-apa sistem yang serupa atau mana-mana konfigurasi perkara yang tersebut sebelumnya dan termasuk sebarang input, output,

- peranti storan data, peralatan perangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan, yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain.
8. Data bermaksud apa-apa jenis maklumat, fakta, konsep, kod atau sebarang maklumat lain yang direkodkan atau diantar dalam suatu bentuk yang akan digunakan, diakses, diproses, diantar atau disimpan oleh suatu Sistem Komputer.

## BAGAIMANA POLISI ANDA MUNGKIN DIBATALKAN

**Anda** boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberikan **Kami** notis bertulis. **Anda** berhak menerima bayaran balik **Premium** selepas **Kami** telah mengenakan caj kepada **Anda** berdasarkan **Kadar Tempoh Pendek Lazim Kami** atau **Premium** minimum yang perlu di bayar di bawah **Polisi**, yang mana lebih tinggi.

**Kami** juga boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi **Anda** notis bertulis selama 7 hari kepada alamat **Anda** yang terakhir diketahui dan akan membayar balik **Premium** pro rata yang sama nilainya dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat.

## CARA MEMBUAT TUNTUTAN

**Anda** hendaklah dengan segera memberitahu **Kami** dengan telefon atau secara bertulis mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan dan:

- Dalam tempoh 30 hari, menghantar kepada **Kami** suatu kenyataan dengan butiran dan bukti kehilangan atau kerosakan itu dengan perbelanjaannya ditanggung oleh **Anda** sendiri; dan
- bagi kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan kecurian, **Anda** mestilah membuat laporan Polis dengan segera.

## CARA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA

### Pilihan Penyelesaian

**Kami** akan, mengikut pilihan **Kami**, membuat bayaran, membaiki atau menggantikan item jika tuntutan perlu dibayar.

### Kepentingan Boleh Insurans

Hanya **Anda** mempunyai hak untuk menuntut daripada **Kami**, melainkan jika **Anda** meninggal dunia, atau melalui kuat kuasa undang-undang, pemindahan kepentingan insurans ini kepada orang lain hanya akan mula berkuat kuasa selepas **Kami** telah mengesahkan **Polisi** ini.

### Tiada Hak Tuntutan daripada Mana-Mana Orang Lain

Walaupun **Polisi** ini menginsuranskan **Kandungan** keluarga atau pembantu rumah **Anda**, hanya **Anda** boleh membuat tuntutan bagi pihak mereka.

### Asas pengiraan amaun yang perlu dibayar

Sekiranya **Kandungan** yang diinsuranskan hilang atau rosak, amaun yang perlu dibayar hendaklah dikira berdasarkan kos pembaikan atau penggantian item yang semacam atau sama jenisnya tetapi tidak lebih superior daripada item yang diinsuranskan itu semasa baharu.

### Liabiliti Maksimum Kami

Liabiliti maksimum **Kami** tidak boleh melebihi had bagi setiap item dan keseluruhan **Jumlah Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

### Insurans Lain

Jika terdapatnya apa-apa polisi lain yang memberikan perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan yang sama atau sebahagian daripadanya, **Kami** hanya akan membayar sebahagian daripada jumlah kehilangan atau kerosakan itu secara mengikut kadar.

### Subrogasi

**Kami** berhak menerima pampasan atas nama **Anda** daripada mana-mana pihak ketiga yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan item yang dilindungi oleh **Polisi** ini dengan perbelanjaannya ditanggung oleh **Kami** sendiri dan untuk manfaat **Kami**.

### Penipuan

**Kami** tidak akan membayar jika tuntutan **Anda** melibatkan penipuan dengan apa jua cara, sama ada ia dilakukan oleh **Anda** atau orang yang bertindak bagi pihak **Anda**.

### Hak Akses dan Kawalan

Apabila berlakunya apa-apa kehilangan atau kerosakan, **Kami** berhak:

- (a) masuki bangunan di mana kehilangan atau kerosakan itu telah berlaku;
- (b) mengambil dan memegang milik **Kandungan**;
- (c) mengendalikan salvaj untuk item diinsuranskan yang rosak itu.

Walau bagaimanapun, **Anda** tidak boleh meninggalkan item diinsuranskan yang rosak itu dengan **Kami**.

#### **Bidang Kuasa**

Semua pertikaian yang berkaitan dengan Polisi ini mestilah diserahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

#### **Undang-Undang yang Mengawal**

**Polisi** ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

### **PENGEMBALIAN SEMULA JUMLAH DIINSURANSKAN**

Selepas kehilangan atau kerosakan, keseluruhan **Jumlah Diinsuranskan** akan dikurangkan sebanyak amaun kehilangan atau kerosakan itu dan **Jumlah Diinsuranskan** yang dikurangkan tersebut hendaklah merupakan had liabiliti **Kami** berkenaan dengan sebarang kehilangan atau kerosakan selanjutnya yang berlaku semasa **Tempoh Insurans** yang sama, melainkan jika **Kami** bersetuju untuk mengembalikan semula **Jumlah Diinsuranskan** apabila **Premium tambahan** dibayar.